

19 AUG 1998

Mara-aset

MARA LULUS PENJUALAN ASET RM8 JUTA DI AMERIKA SYARIKAT

KUALA LUMPUR, 19 Ogos (Bernama) -- Majlis Amanah Rakyat (Mara) telah meluluskan penjualan bangunan pejabatnya di Amerika Syarikat bernilai lebih RM8 juta (AS\$2 juta) sebagai usaha mendapatkan sumber kewangan sendiri dan tidak terlalu bergantung kepada bantuan kerajaan.

Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed berkata langkah menjual bangunan pejabat itu adalah sejajar dengan keputusan Mara untuk tidak menghantar pegawainya ke luar negara.

Mara juga sedang mengkaji kemungkinan menjual semua asetnya di Britain yang dianggarkan bernilai lebih RM17 juta (2.58 juta pound), katanya pada persidangan berita mengenai Persidangan dan Pameran Francais Malaysia '98 (MAFEC International '98), di sini hari ini.

Beliau berkata cadangan penjualan aset di Britain hanya akan diteruskan jika kajian menunjukkan penjualan itu tidak menjejaskan kebajikan pelajar tajaan Mara di negara itu.

Aset Mara di luar negara kebanyakannya membabitkan bangunan asrama, rumah persinggahan dan pejabat.

Mengenai sambutan terhadap Tabung Usahawan Kecil (TUK) dan Tabung Pemulihan Usahawan Kecil (TPUK), Mustapa berkata sambutan peniaga kecil terhadap kedua-dua tabung itu amat menggalakkan.

Beliau berkata pihaknya telah meluluskan pinjaman bernilai RM4.3 juta di bawah TUK kepada 416 peniaga manakala RM29.8 juta diluluskan di bawah TPUK kepada 1,051 peniaga.

Kementerian Kewangan juga telah meluluskan peruntukan tambahan bernilai RM50 juta kepada TUK, katanya.

Mustapa berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan MAFEC International '98 di Pusat Dagangan Dunia Putra pada 25 Sept ini.

Mesyuarat Persekutuan Francais Asia Pasifik (APFC) juga akan diadakan serentak dengan persidangan dan pameran MAFEC itu, katanya.

-- BERNAMA

NY NAK